

KRITIKAN SOSIAL DALAM NOVEL *PENYEBERANG SEMPADAN*

NURUL FARHANA BINTI MOHAMAD NAPIAH
Universiti Kebangsaan Malaysia
farhanaqiha@gmail.com

NUR AFIFAH VANITHA BINTI ABDULLAH*
Universiti Kebangsaan Malaysia
nurafifah@ukm.edu.my

*Pengarang Perantara

ABSTRAK

Novel *Penyeberang Sempadan* (2012) karya Anwar Ridhwan adalah novel yang mengangkat semangat pejuang untuk membebaskan negaranya daripada dibelenggu secara berterusan oleh kuasa kolonial. Novel ini bukan sahaja menyeberang sempadan geografi, ideologi dan zaman tetapi telah menyeberang struktur dan gaya pengkisahan naratif dalam menyampaikan penceritaannya. Teknik naratif novel ini berbentuk pengembaraan yang sarat dengan wacana ideologi dan merungkai persoalan sejarah negara daripada perspektif yang baharu. Kajian ini dijalankan bagi menjawab persoalan, apakah isu sosial masyarakat sebelum merdeka yang ingin disampaikan oleh pengarang dalam novel *Penyeberang Sempadan*? Penelitian ini dilakukan bagi memperincikan kritikan sosial terhadap masyarakat yang terdapat dalam novel *Penyeberang Sempadan* karya Anwar Ridhwan. Kaedah berbentuk kualitatif telah dipakai dalam menjalankan kajian ini. Bahan kajian yang digunakan termasuklah buku-buku, artikel jurnal, latihan ilmiah dan sumber dari internet. Pelaksanaan kajian dengan menggunakan teori sosiologi sastera yang diasaskan oleh Alan Swingewood banyak menyumbang dalam memperolehi data kajian. Hasil dapatan membuktikan bahawa terdapat pelbagai isu yang telah diketengahkan oleh pengarang dalam novel *Penyeberang Sempadan* bagi memperlihatkan kritikan sosial terhadap masyarakat. Kritikan sosial yang ditemui adalah kritikan terhadap sikap rakus penjajah, masyarakat yang mengabaikan tuntutan agama, diskriminasi kepada masyarakat tempatan, pemimpin yang meninggalkan tanggungjawab, kelakuan kanak-kanak lelaki yang kurang bermoral, masyarakat yang mengkhianati rakan karibnya dan masyarakat yang mengagungkan ideologi ciptaan manusia.

Kata Kunci: Anwar Ridhwan; kritikan; masyarakat; *Penyeberang Sempadan*; sosiologi sastera

SOCIAL CRITICISM IN *PENYEBERANG SEMPADAN*'S NOVEL

ABSTRACT

Novel *Penyeberang Sempadan* (2012) by Anwar Ridhwan is a novel that lifts the spirit of a fighter to free his country from being continuously shackled by colonial power. The novel not only crosses the boundaries of geography, ideology and time but has crossed the structure and style of narrative storytelling in conveying its storytelling. The novel's narrative technique is an adventure filled with ideological discourse and explores the question of national history from a new perspective. This study was conducted to answer the question, what is a social

issues of society before independence that the author wants to convey in the novel *Penyeberang Sempadan*? This research was conducted to detailing the social criticism of society contained in the novel *Penyeberang Sempadan* by Anwar Ridhwan. Qualitative methods have been used in carrying out this study. The study materials used include books, journal articles, scientific exercises and internet sources. The implementation of the study using the theory of literary sociology founded by Alan Swingewood contributed greatly in obtaining the study data. The findings prove that there are various issues that have been highlighted by the authors in the novel *Penyeberang Sempadan* to show social criticism of society. The social criticisms found were criticisms of colonial greed, a society that ignored religious demands, discrimination to local communities, leaders who abandoned responsibility, the conduct of less moral boys, a society that betrayed its close friends and a society that glorifies the ideology of human creation.

Keywords: Anwar Ridhwan; criticism; society; *Penyeberang Sempadan*; sociology of literature

PENGENALAN

Novel *Penyeberang Sempadan* merupakan karya sasterawan negara, iaitu Anwar Ridhwan (Anwar Ridhwan, 2012). Novel ini telah diterbitkan pada tahun 2012 oleh Utusan Publications dan Distributors Sdn. Bhd. bersama-sama Kumpulan Utusanyang prihatin terhadap pembangunan sastra tanah air. *Penyeberang Sempadan* juga adalah novel yang memenangi Hadiah Sastera Perdana Malaysia (2012) dan Hadiah Utama Hadiah Sako ke-3 bagi novel nasional (Anwar Ridhwan, 2012).

Novel *Penyeberang Sempadan* oleh Anwar Ridhwan (2012) merupakan sebuah novel yang sudah sedekad dalam bidang penulisan. Ini terbukti apabila terdapat beberapakajian mengikut aspek berbeza telah dijalankan dengan menggunakan novel *Penyeberang Sempadan* sebagai subjek kajian. Novel ini juga cukup popular dalam kalangan pembacayang meminati karya Anwar Ridhwan. Namun demikian, kajian yang berfokuskan kepada kritikan sosial masyarakat dalam novel ini masih terhad. Oleh hal demikian, kekurangan kajian mengenai isu sosial masyarakat dalam novel *Penyeberang Sempadan* menjadi masalah utama dalam kajian ini. Hal ini terjadi berikutan fokus novel ini yang mengangkat semangat seorang pejuang untuk membebaskan negaranya daripada dibelenggu secara berterusan oleh kuasa penjajah atau kolonialisme. Perkara ini telah mengaburkan mata pembaca tentang kewujudan isu kehidupan masyarakat dalam novel *Penyeberang Sempadan*.

Penulisan artikel yang melibatkan novel *Penyeberang Sempadan* oleh Anwar Ridhwan mengenai isu sosial masyarakat adalah terhad. Hal ini demikian kerana pembaca lebih mengenali novel *Penyeberang Sempadan* sebagai karya yang menekankan semangat perjuangan seorang nasionalis dalam memerdekakan negaranya daripada terusberada bawah jajahan kuasa asing. Perkara ini dapat dibuktikan dengan melihat kepadakajian lepas yang meneliti nilai perjuangan dalam novel *Penyeberang Sempadan*. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk memperincikan kritikan sosial terhadap masyarakat yang terdapat dalam novel *Penyeberang Sempadan* dengan mengaplikasikan teori sosiologi sastra Alan Swingewood.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Penulisan lepas yang menggunakan novel *Penyeberang Sempadan* telah dirungkai apabila beberapa penulisan yang mengupas novel ini dari aspek yang berbeza telah ditemui. Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat enam buah penulisan menggunakan novel *Penyeberang Sempadan* karya Anwar Ridhwan. Kajian pertama dihasilkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan dan Raja Rajeswari Seetha Raman (2015) yang membincangkan konsep perjuangan Anwar Ridhwan dalam novel *Penyeberang Sempadan*. Seterusnya, Maznida Mahadi dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2018) menggunakan novel *Penyeberang Sempadan* dalam melakukan perbandingan dominasi bentuk emosi lelaki. Terdapat juga penulisan mengenai keunggulan kepengarangan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan, iaitu termasuklah novel *Penyeberang Sempadan* yang dijalankan oleh Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din dan Phaosan Jehwae (2020). Selain itu, S.M. Zakir (2014) membahaskan tentang pemikiran dan gaya naratif mutakhir Anwar Ridhwan yang turut meneliti novel *Penyeberang Sempadan*. Kajian kelima dihasilkan oleh Nur Fatiha Fadila binti Abu Bakar (2014), iaitu intelektualisme dalam lima novel Anwar Ridhwan yang terdiri daripada novel *Penyeberang Sempadan* dari sudut persuratan baru. Terakhir adalah kajian perbandingan oleh Maznida Mahadi (2018), iaitu kecerdasan emosi lelaki dalam novel-novel terpilih Anwar Ridhwan dan Haruki Murakami yang juga menggunakan novel *Penyeberang Sempadan*.

Mohamad Mokhtar Abu Hassan dan Raja Rajeswari Seetha Raman (2015) telah menghasilkan satu kajian bertajuk *Konsep Perjuangan Anwar Ridhwan Dalam Novel Penyeberang Sempadan*. Tujuan penulisan ini dijalankan adalah untuk merungkai konsep perjuangan mengikut tanggapan Anwar Ridhwan. Objektif kajian ini hanya satu iaitu untuk mengenal pasti konseptualisasi Anwar Ridhwan berhubung dengan konsep perjuangan dalam novel *Penyeberang Sempadan*. Teori konseptual kata kunci digunakan bagi mendapatkan konseptualisasi pengarang yang tersurat dalam bentuk kata kunci dan yang tersirat di sebalik simbol. Kaedah kajian dalam penulisan ini adalah berbentuk kualitatif iaitu dengan memperolehi sumber data daripada buku, artikel jurnal dan internet. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa konsep perjuangan pada tanggapan Anwar Ridhwan ialah penderitaan, pengorbanan dan usaha untuk memerdekakan negara daripada cengkaman penjajah. Penulisan Mohamad Mokhtar Abu Hassan dan Raja Rajeswari Seetha Raman (2015) mempunyai fokus yang berlainan dengan artikel ini iaitu berfokuskan kepada teori konseptual kata kunci berbanding dengan kritikan sosial masyarakat. Namun begitu, terdapat persamaan dari segi bahan yang digunakan, iaitu novel *Penyeberang Sempadan* karya Anwar Ridhwan.

Perbandingan *Dominasi Bentuk Emosi Lelaki Dalam Novel Penyeberang Sempadan* dengan *Kafka on the Shore* oleh Maznida Mahadi dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2018) merupakan kajian yang dilakukan untuk memerhatikan perlakuan watak ketika berdepan dengan konflik dan masalah yang dapat memperlihatkan bentuk-bentuk emosi dominan watak lelaki dalam kedua-dua buah novel yang dipilih. Objektif kajian ini adalah untuk membandingkan bentuk-bentuk emosi lelaki dalam novel *Penyeberang Sempadan* dan novel *Kafka of the Shore* serta membuat perbandingan bentuk emosi dominan lelaki dalam kedua-dua novel kajian. Perbandingan bentuk emosi dilakukan bagi memerhatikan persamaan bentuk emosi dominan yang sering dialami watak protagonis lelaki. Kajian tersebut menggunakan kaedah penyelidikan kepustakaan dan kaedah interpretasi, iaitu pemerhatian dan penelitian teks. Dapatan kajian menunjukkan bentuk-bentuk emosi dominan dalam kedua-dua buah novel kajian tersebut memperlihatkan persamaan yang seimbang apabila emosi sedih dikesan mendominasi hampir kedua-dua novel kajian dan terlihat pada watak protagonis lelaki yang dikaji. Oleh hal demikian, makalah ini meneliti aspek yang berbeza dengan kajian yang dihasilkan oleh Maznida Mahadi dan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2018) tetapi novel yang digunakan adalah sama, iaitu novel *Penyeberang Sempadan*.

Di samping itu, terdapat juga artikel mengenai Keunggulan Kepengarangan Novel-Novel Terpilih Anwar Ridhwan (2020). Penulisan telah dilakukan oleh Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din dan Phaosan Jehwae (2020). Tujuan kajian tersebut adalah untuk meneliti keunggulan kepengarangan novel Naratif Ogonshoto dan novel *Penyeberang Sempadan* yang akan dianalisis menggunakan Teori Teksdealisme melalui empat prinsip, iaitu kehadiran, pelanggaran, pengukuhan dan keindividualan. Objektif pertama kajian adalah untuk mengenal pasti aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dalam novel Naratif Ogonshoto dan novel *Penyeberang Sempadan* melalui Teori Teksdealisme. Kedua adalah menganalisis aspek-aspek keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan dengan menggunakan Teori Teksdealisme dan yang terakhir mengemukakan konsep keunggulan kepengarangan Anwar Ridhwan berdasarkan Teori Teksdealisme. Penulisan kajian adalah berdasarkan reka bentuk kajian kualitatif dengan kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Kajian mendapati bahawa Anwar Ridhwan adalah seorang sasterawan yang dekat dengan pembaca dan jujur dalam berkarya hingga berani mengutarakan pelbagai isu atau naratif untuk menjadi panduan dan pedoman kepada pembaca. Perbezaan artikel jelas kerana Teori Teksdealisme digunakan dalam menyempurnakan kajian iaitu berbeza dengan makalah ini yang berfokuskan kepada kritikan sosial. Persamaan artikel dapat disahkan kerana kedua-duanya menggunakan novel Anwar Ridhwan dalam meneliti aspek kajian.

Selain itu, Karya dan Kekuasaan Pengarang: Pemikiran dan Gaya Naratif Mutakhir Anwar Ridhwan oleh S.M. Zakir (2014). Tujuan artikel ini dilakukan adalah untuk menghubungkan teks dengan kekuasaan pengarang yang dirumuskan melalui konsep panopticon iaitu sebuah konsep yang dikemukakan oleh Michel Foucault berasaskan apa yang pernah dikemukakan oleh Jeremy Bentham. Perbincangan dalam artikel ini adalah mengenai kekuasaan pengarang membentuk pemikiran dan gaya naratif, pemikiran Anwar Ridhwan dalam *Penyeberang Sempadan*, gaya naratif mutakhir Anwar Ridhwan dalam *Penyeberang Sempadan* dan menemukan kekuasaan pengarang sebagai panopticon dengan pemikiran dan gaya naratif. Kaedah kajian yang digunakan oleh S.M. Zakir (2014) adalah dengan memperoleh bahan dari kajian kepustakaan. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemikiran jitu Anwar Ridhwan itu didokong oleh gaya naratif yang dicipta khusus untuk menjadi bijana yang muat dan sesuai bagi ruang pemikirannya. Artikel S.M. Zakir (2014) juga tiada menunjukkan sebarang persamaan dengan makalah ini kerana beliau hanya menyentuh mengenai pemikiran dan gaya naratif pengarang novel. Namun begitu, tetap ada persamaan dari segi bahan kajian yang digunakan iaitu novel *Penyeberang Sempadan*.

Terdapat juga tesis pada peringkat ijazah sarjana yang mengkaji karya Anwar Ridhwan. Kajian bertajuk *Intelektualisme Dalam Lima Novel Anwar Ridhwan Dari Sudut Persuratan Baru* telah dihasilkan oleh Nur Fatiha Fadila binti Abu Bakar (2014) dalam kajian peringkat sarjananya. Kajian dijalankan dengan merujuk kepada novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman*, novel *Arus*, novel *Di Negeri Belalang*, novel *Naratif Ogonshoto* dan novel *Penyeberang Sempadan*. Tujuan tesis tersebut dihasilkan adalah untuk mengenal pasti kecenderungan dalam kalangan beberapa sarjana dan pengkritik sastera yang secara jelas meragui dan mempertikaikan dakwaan tentang adanya nilai-nilai intelektualisme dalam karya-karya Anwar Ridhwan. Tesis Nur Fatiha Fadila binti Abu Bakar (2014) ini distrukturkan bagi mencapai dua objektif, iaitu pertama menganalisis isian wacana dan isian cerita novel-novel Anwar Ridhwan sementara objektif kedua adalah merumuskan soal intelektualisme dalam novel-novel Anwar Ridhwan. Penerapan gagasan Persuratan Baru sebagai kerangka analisis telah dipilih dalam mencapai kedua-dua objektif kajian. Kemudian, reka bentuk kualitatif telah digunakan dalam menghasilkan kajian ini. Dapatan kajian menyimpulkan bahawa apa yang didakwa oleh sarjana dan pengkritik sastera sebagai intelektualisme itu adalah merujuk kepada manifestasi cerita dan bukannya pemikiran yang dijana melalui pembinaan wacana intelektual. Tesis Nur Fatiha Fadila binti Abu Bakar (2014) menunjukkan perbezaan ketara

dengan makalah ini kerana ia mengkaji mengenai intelektualisme dan tiada memberi penekanan tentang masyarakat. Tetapi, salah satu bahan yang dirujuk dalam menjalankan kajiannya adalah sama dengan makalah ini, iaitu novel *Penyeberang Sempadan*.

Akhir sekali, *Kecerdasan Emosi Lelaki Dalam Novel-Novel Terpilih Anwar Ridhwan Dan Haruki Murakami: Kajian Perbandingan* oleh Maznida Mahadi (2018). Penulisan tesis ini dihasilkan oleh Maznida Mahadi (2018) bagi memenuhi keperluan sarjana pengajian Melayu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti aspek kecerdasan emosi antara lelaki Melayu dan Jepun secara perbandingan. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti bentuk-bentuk emosi, menganalisis kecerdasan emosi dan membandingkan persamaan dan perbezaan kecerdasan emosi yang terdapat pada watak-watak lelaki dalam novel *Hari-Hari Terakhir Seorang Seniman* dan *Penyeberang Sempadan* karya Anwar Ridhwan serta *Kafta on the Shore* dan *Colorless Tsukuru Tazaki and His Years of Pilgrimage* karya Haruki Murakami. Kaedah kajian yang digunakan adalah dengan memperoleh bahan dari kajian kepustakaan dan memproses data yang dikumpul dari novel. Hasil kajian membuktikan bahawa bentuk emosi dan aspek kecerdasan emosi yang dipamerkan oleh watak lelaki Melayu dan Jepun adalah setara. Oleh itu jelas bahawa kajian ini menggunakan teori kecerdasan emosi iaitu berbeza dengan makalah ini yang menumpukan kepada kritikan sosial masyarakat. Persamaan makalah ini dengan kajian Maznida Mahadi (2018) pula adalah menggunakan novel *Penyeberang Sempadan* karya Anwar Ridhwan sebagai bahan kajian.

METODOLOGI

Kajian terhadap karya Anwar Ridhwan ini merupakan sebuah kajian yang berbentuk kualitatif. Kaedah ini telah dipakai sepanjang menjalankan kajian bagi mendapatkan bahan rujukan atau bahan bacaan yang berkenaan dengan kritikan sosial. Selain itu, buku-buku, artikel, jurnal dan latihan ilmiah pelajar sebelumnya juga digunakan untuk mendapatkan maklumat tambahan sekaligus memperkukuhkan lagi data yang dikumpul. Selain dari media cetak, pengumpulan maklumat melalui internet turut membantu dalam menambah data sebagai bahan kajian.

Oleh itu, kajian ini hanya menggunakan kaedah kualitatif sahaja dalam mendapatkan bahan yang berkaitan dengan kajian. Hal ini kerana, kajian ini memerlukan pembacaan secara meluas mengenai novel dan teori yang dipilih. Kesemua buku dan sumber yang didapati dari kajian lepas pula dianalisis dengan teliti bagi melancarkan proses penghasilan kajian. Fokus juga diberikan kepada teori sosiologi sastera iaitu teori yang digunakan dalam menjalankan kajian terhadap novel *Penyeberang Sempadan*. Pembacaan rapi mengenai teori kajian ini sedikit sebanyak dapat melancarkan proses pelaksanaan kajian dan mengelakkannya lari daripada perkara yang ingin dibincangkan dalam bab-bab berikutnya.

KERANGKA ANALISIS

Teori sosiologi sastera telah bermula sejak tahun 1960 dan diperkenalkan oleh Karl Marx dan Frederick Engels (Mana Sikana 1998). Karl Marx ialah seorang ahli falsafah dan ahli ekonomi yang terkenal (Tomasz Helemejko, 2012). Sekurang-kurangnya Karl Marx dan Frederick Engels lebih terkenal dalam penulisan sastera berbanding politik dan ekonomi walaupun mereka menganggap sastera sebagai sesuatu yang bukan penting (Terry Eagleton, 1976). Namun demikian, penulisan artikel ini berpandukan kepada teori sosiologi Alan Swingewood bagi memperlihatkan realiti dalam kritikan sosial masyarakat.

Mana Sikana (1998) mengatakan bahawa pada asalnya teori ini tiada sebarang hubungan dengan aliran kritikan kesusasteraan. Malahan tetapi, teori ini sentiasa dirujuk sebagai pembuka kepada kajian sastera dengan politik dan kekuasaan. Ini bersesuaian dengan pendapat John Frow (1986) bahawa campur tangan Marxisme dalam disiplin pengajian sastera

boleh menyebabkan pengeluaran teori. Charles E. Bressler (2010) dalam bukunya pula menyuarakan bahawa Marxisme telah bermula sejak abad ke-19 berikutan adanya penulisan oleh pengkritik sosial dan ahli falsafah Jerman iaitu Karl Henrich Marx.

Raymond Williams (1977) mengatakan bahawa jika sosiologi sastera ditakrifkan sebagai penuh, pusat dan pengalaman manusia serta merta adalah perkara biasa. Oleh hal demikian, teori sosiologi sastera boleh didefinisikan sebagai kajian saintifik terhadap manusia dalam masyarakat, kajian institusi dan proses sosial (Alan Swingewood, 1972). Sementara Rohana Yusof (1997) mengatakan bahawa sosiologi adalah suatu disiplin baharu dalam perbandingan sains sosial dan sains fizikal dan bukan sains kemanusiaan yang berada pada pertengahan.

Oleh itu, terdapat tiga pendekatan dalam teori sosiologi sastera menurut Alan Swingewood (1972) iaitu karya sastera sebagai cermin kepada zaman, karya sastera berkaitan dengan situasi sosial pengarang dan karya sastera sebagai detik sejarah tertentu. Setiap pendekatan mempunyai ciri-ciri yang berbeza dan makalah ini hanya memfokuskan pendekatan pertama iaitu karya sastera sebagai cermin kepada zaman. Pendekatan ini membincangkan mengenai fenomena sosial yang berlaku kepada masyarakat dalam tempoh dan tempat tertentu dengan merujuk kepada karya sastera (Alan Swingewood, 1972). Hal ini memperlihatkan bahawa pendekatan pertama sesuai digunakan untuk menjalankan kajian kerana ia mencerminkan situasi dan keadaan kehidupan sosial dalam masyarakat iaitu bersesuaian dengan novel yang dikaji.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kritikan sosial adalah satu bahagian penting dalam kehidupan masyarakat kerana ia adalah bentuk komunikasi dalam masyarakat yang bertujuan atau berfungsi sebagai pengawalan terhadap jalan cerita suatu sistem atau proses bermasyarakat (Nor Nabila, 2020). Secara mudahnya, kritikan sosial adalah pengamatan atau perbandingan yang dilakukan untuk memerhatikan perkembangan dalam kehidupan sesebuah masyarakat sama ada baik atau buruk kualiti suatu masyarakat itu. Kritikan sosial ini penting untuk dilakukan oleh sesiapa sahaja bagi melindungi sistem sosial yang sedia ada. Penggunaan teori sosiologi sastera yang diilhamkan oleh Alan Swingewood juga banyak membantu pengarang untuk memaparkan pelbagai realiti kehidupan masyarakat dalam novel *Penyeberang Sempadan*. Oleh itu, kritikan ini perlu bagi memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan perkara yang baik dan buruk sekaligus membantu mereka menjadi insan yang lebih baik dari sebelumnya.

Sikap Rakus Penjajah

Sikap rakus sesetengah penjajah telah mendorong kepada berlakunya penindasan terhadap penduduk sesuatu kawasan sama ada secara sedar atau tanpa sedar. Keadaan sedemikian berlaku apabila kuasa asing mengambil alih pusat pentadbiran dan menjadikan diri mereka sebagai orang yang paling berkuasa di tempat itu. Perkara ini bukan sahaja memberi kesan kepada kehidupan seharian masyarakat pribumi tetapi turut meninggalkan impak negatif terhadap kesihatan mental. Situasi sebegini juga boleh dibuktikan melalui pengalaman masyarakat Melayu lama yang hidup dalam peperangan dan hanya memakan ubi kayu bagi memenuhi keperluan asas dalam kehidupan seharian.

Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat isu mengenai sikap rakus penjajah dalam novel *Penyeberang Sempadan* ini. Sikap rakus oleh penjajah itu merujuk kepada penjajah Inggeris dan Jepun yang menindas penduduk Kuala Tuntung dengan mengaut segala harta dan kekayaan yang berada di kampung tersebut termasuklah harta benda penduduk setempat. Kekejaman kuasa kolonial itu telah memberi kesan yang begitu mendalam terhadap penduduk

di Kuala Tuntung. Kenyataan ini dapat disokong dengan petikan novel yang diambil dalam karya Anwar Ridhwan.

Sungguh pun Melayu memiliki bumi wilayah ini, dan menjadi putera buminya, Melayu dan tanahnya hanyalah alat untuk Inggeris merompak kekayaan khazanahnya. Kata ayah dulu, lepas Perang Dunia Pertama ketika aku masih kecil, harga getah hanya empat hingga tujuh sen sekati! Melayu yang memiliki kebun getah terpaksa membanting tulang lebih keras untuk hidup. Untuk sesuap nasi. Untuk meneruskan kehidupan di tanah air sendiri.

(Anwar Ridhwan, 2012: 35)

Dalam petikan didapati bahawa terdapat sikap rakus penjajah Inggeris ketika mentadbir Kuala Tuntung. Hal ini boleh dibuktikan dengan ayat yang mengatakan Inggeris merompak kekayaan khazanah tanah Melayu. Pernyataan ini menunjukkan bahawa Inggeris memasuki Malaya dan mengambil segala kekayaan yang boleh dijadikan sumber rezeki oleh penduduk Kuala Tuntung, Perak. Kerakusan pihak Inggeris juga boleh diperhatikan apabila Zakaria mengatakan bahawa harga sekati getah selepas Perang Dunia Pertama begitu murah sehingga penoreh getah perlu bekerja dengan lebih keras bagi meneruskan kehidupan. Keadaan ini memperlihatkan harga bayaran untuk sekati getah adalah kurang sesuai dengan usaha pemilik kebun yang bekerja keras dalam menyara kehidupannya sekeluarga. Selain itu, terdapat juga sikap rakus yang diperlihatkan melalui penjajah Jepun di Kuala Tuntung.

Sebelum perang meletus ayah telah membeli padi dalam jumlah yang banyak, dan menyimpannya dalam kepek padi khas di sisi rumah kami. Suatu hari segerombolan tentera Jepun tiba-tiba muncul. Mereka hanya membenarkan ayah, aku dan kembarku – tiga orang lelaki – menyimpan tujuh puluh gantang padi seorang. Untuk ibu hanya 50 gantang. Padi selebihnya dirampas.

(Anwar Ridhwan, 2012: 37)

Kami tidak memakan nasi seperti biasa ketika itu. Berjimat cermat. Memakan bubur. Atau nasi dicampur ubi kayu dan keledek. Mereka yang tidak ada simpanan padi di kepek, hanya makan ubi kayu, pisang atau keladi. Kalau mereka mahu membeli beras, beras tidak dijual secara terbuka.

(Anwar Ridhwan, 2012: 37)

Sikap rakus pihak Jepun jelas ditunjukkan dalam petikan novel *Penyeberang Sempadan* di atas. Hal ini demikian kerana, Jepun menindas penduduk Kuala Tuntung dengan merampas padi yang telah dibeli oleh penduduk dan hanya membenarkan penduduk menyimpan 70 gantang sahaja bagi lelaki dan 50 gantang untuk perempuan. Perkara ini memperlihatkan masyarakat ditindas kerana padi yang disimpan itu adalah untuk keluarga mereka dan Jepun tiada hak untuk merampas hak milik penduduk Kuala Tuntung. Rampasan yang dijalankan oleh Jepun itu telah memberi kesan kepada penduduk setempat apabila mereka terpaksa mengikat perut untuk memastikan masih adabekalan makanan pada hari berikutnya. Keadaan tersebut menunjukkan bahawa adanya sikap rakus penjajah Jepun ketika merampas hak penduduk kampung. Oleh hal demikian, didapati bahawa sememangnya ada sikap rakus penjajah yang diperlihatkan melalui penjajah Inggeris dan Jepun dalam karya ini.

Masyarakat Yang Mengabaikan Tuntutan Agama

Setiap pegangan agama mempunyai ajaran yang tersendiri iaitu bergantung kepada kepercayaan agama masing-masing. Orang yang beragama juga mempunyai tanggungjawab untuk dijalankan seperti mendirikan solat, berpuasa, dan menunaikan zakat. Namun begitu, masih terdapat segelintir masyarakat yang mengabaikan tuntutan agama yang wajib dilakukan mengikut pegangan agama mereka. Kelakuan sedemikian telah memperlihatkan sisi negatif pada diri seseorang individu kerana ia telah mengabaikan perkara yang paling penting dalam agama.

Dalam novel *Penyeberang Sempadan*, watak Kuay merupakan seorang yang beragama Islam sejak dari kecil. Ini bersesuaian dengan tempat kelahirannya yang mengamalkan agama Islam dan Islam adalah agama majoriti bagi penduduk di Kuala Tuntung, Perak. Malahan tetapi, setelah Kuay sibuk melibatkan diri dengan aktiviti perjuangan dan menyeberang sempadan, dia lupa mengenai kewajibannya sebagai orang Islam yang perlu mendirikan solat sebanyak 5 kali sehari. Kenyataan mengenai pengabaian tuntutan agama ini dapat dibuktikan dengan petikan yang diambil dari bab 3 novel *Penyeberang Sempadan*.

Aku ingin solat. Bukan sejak berada di negeri China sahaja. Malah sejak sekian lama setelah menyertai Rejimen ke-10. Aku tidak bersembahyang! Bagaimana hendak sembahyang di hutan apabila musuh boleh menyerang pada bila-bila masa? Macam mana hendak menunaikan solat di tengah-tengah anggota pejuang Melayu yang tidak pernah solat?

(Anwar Ridhwan, 2012: 133)

Bagaimana hendak menyembah Tuhan di tengah-tengah kelompok komrad China yang ateis? Cuba menunjuk 'alim' hanyalah mencipta jalan kebinasaan dan maut, dalam kelompok komrad yang percaya bahawa agama itu candu dalam kehidupan. Sebab itulah aku tidak solat sejak sekian lama.

(Anwar Ridhwan, 2012: 133)

Berdasarkan petikan di atas, Kuay mengaku bahawa dia sudah lama meninggalkan solat, iaitu sejak mula menyertai Rejimen ke-10. Ini membuktikan, Kuay mengabaikan tuntutan wajib agama Islam sejak di awal perjuangannya dalam mencapai kemerdekaan Malaya. Terdapat juga pelbagai ulasan yang dikatakan oleh Kuay berkenaan solat yang ditinggalkan olehnya, iaitu termasuklah kesukaran menunaikan solat kerana takut musuh menyerang, kurang senang untuk solat di kalangan pejuang Melayu yang turut meninggalkan solat dan boleh mengancam nyawa jika menunaikan solat di hadapan komrad China yang menolak agama dalam kehidupan. Walaupun alasan yang dinyatakan oleh Kuay adalah logik, tetapi ia tetap menjadi kesalahan untuk mengabaikan tuntutan agama. Hal ini kerana, solat adalah tiang agama yang boleh mendorong kepada terbentuknya keperibadian seseorang sama ada baik atau sebaliknya. Kemudian, terdapat juga pengabaian tuntutan agama yang diperlihatkan dalam petikan dibawah.

Dalam beberapa perlakuan solat, sujudlah yang paling mengharukan jiwaku. Aku berasa tenteram. Berasa dekat sekali dengan Tuhan. Setiap kali aku sujud, aku berlutut sambil meletakkan dahi ke lantai dalam tempoh yang agak lama. Tetapi ketika aku sedang sujud dalam rakaat ketiga, tiba-tiba pintu dibuka dari luar. Aku terus meniarap, berhelah mencari sesuatu di lantai.

(Anwar Ridhwan, 2012: 135)

“Ya, mungkin ada beberapa ekor,” jawabku lega, kerana Bung Suradi tidak melihataku cuba menunaikan solat tadi. Aku berdiri dan mengambil surat dalam laci, mahu keluar segera daripada suasana serba-salah itu.

(Anwar Ridhwan, 2012: 136)

Kenyataan di atas memperlihatkan watak utama novel *Penyeberang Sempadan*, iaitu Kuay yang cuba untuk menunaikan solat semasa berada di Peking, China setelah sekian lama dia meninggalkan solat. Namun begitu, solat yang ditunaikan olehnya terhenti pada rakaat ketiga apabila pintu biliknya dibuka dari luar oleh Bung Suradi, iaitu teman sebiliknya. Dalam masa yang sama, Kuay telah berpura-pura untuk mencari cengkerik di lantai bagi mengelakkan niatnya untuk menunaikan solat diketahui oleh teman Indonesiannya itu. Jika diperhatikan, Kuay boleh sahaja memilih untuk terus menunaikan solat walaupun rakannya memasuki bilik terutamanya apabila diabsungguh-sungguh untuk melakukan tuntutan agama. Namun, sebaliknya berlaku kerana Kuay lebih takutkan pandangan manusia yang berada di sekitarnya yang mengukuhkan lagi bahawa imannya ketika itu agak lemah. Maka, jelaslah bahawa watak utama novel, iaitu Kuay telah mengabaikan tuntutan agama yang paling utama dalam Islam.

Diskriminasi Kepada Masyarakat Tempatan

Diskriminasi merujuk kepada perbezaan layanan yang diberikan oleh satu-satu pihak kepada pihak yang tertentu. Kebiasaannya, pemberian layanan sama ada baik atau sebaliknya dibuat berdasarkan kepada kumpulan yang diwakili oleh sesuatu individu yang mempunyai bangsa atau agama yang sama. Perkara ini mendorong kepada ketidakadilan kepada masyarakat yang berbeza daripada kumpulan yang memerintah atau berkuasa. Diskriminasi juga merupakan suatu amalan yang biasa dijumpai dalam kehidupan masyarakat dahulu yang berada dalam era penjajahan kuasa asing atau kolonial.

Novel *Penyeberang Sempadan* turut memperlihatkan diskriminasi yang dilakukan oleh penjajah Inggeris terhadap penduduk Kuala Tuntung, Perak. Layanan yang diberikan oleh Inggeris kepada orang Melayu begitu jauh berbeza daripada layanan mereka terhadap bangsa sendiri. Keadaan ini menunjukkan adanya diskriminasi kepada masyarakat tempatan yang sepatutnya mendapat hak yang selayaknya sebagai penduduk pribumi. Kedatangan Inggeris ke Kuala Tuntung bukan sahaja untuk merampas kekayaan khazanah kampung tetapi turut menafikan hak masyarakat pribumi. Kenyataan ini boleh dibuktikan dengan petikan di bawah. Sekolah berhampiran masjid itu dibuat daripada kayu, beratap nipah saja.

Berlantaitanah. Sekolah itu didirikan secara bergotong-royong.

(Anwar Ridhwan, 2012: 203)

Tapi tentang betapa penjajah Inggeris abaikan pendidikan anak-anak Melayu. Seolah-olah bagi mereka, tak apalah kalau anak-anak Melayu meneruskan kerja-kerja orang tua mereka sebagai petani, pekebun, nelayan. Ingat tak, berapa kali orang tua kita minta dibina sekolah di Kuala Tuntung ini, dan sediakan pelajaran dan guru-guru yang sesuai? Permintaan itu tak diendahkan, sebab hanya orang Melayu sesaja di Kuala Tuntung ni.

(Anwar Ridhwan, 2012: 206)

“Aku berumur dua belas tahun ketika dibawa ke Ipoh,” Kuay menerangkan. “Nak tahu apa yang aku tengok di sana? Bukan Yan cantik. Tapi sebuah sekolah yang cantik dan besar, dibuat daripada bata berlepa simen di bahagian bawah, dan papandi bahagian atas,

beratap genting warna coklat, di kawasan berpagar yang luas. Jauhbezanya dengan sekolah agama dan sekolah rendah kita dulu.

(Anwar Ridhwan, 2012: 207)

Berdasarkan ketiga-tiga petikan di atas, perbezaan layanan yang diberikan oleh penjajah Inggeris diperlihatkan dengan jelas melalui struktur binaan sekolah masyarakat Melayu yang jauh berbeza daripada sekolah Inggeris. Hal ini membuktikan bahawa Inggeris menjalankan pemerintahan yang berat sebelah kerana ia mengabaikan pendidikan anak-anak Melayu di Kuala Tuntung. Situasi ini juga menunjukkan adanya diskriminasi terhadap masyarakat Melayu kerana Inggeris boleh sahaja membina sebuah sekolah yang selesa untuk menuntut belajar seperti gambaran sekolah di Ipoh yang diceritakan oleh Kuay. Namun begitu, permintaan penduduk Kuala Tuntung untuk dibina sekolah telah diendahkan oleh pihak Inggeris yang menjadi pemerintah ketika itu. Perkara tersebut juga telah mendorong orang Melayu menggunakan kudrat mereka sendiri untuk membina sebuah sekolah yang serba kekurangan demi memastikan anak-anak mereka mendapat pendidikan yang sepatutnya. Oleh itu, jelaslah bahawa sememangnya ada kritikan sosial mengenai diskriminasi terhadap masyarakat tempatan dalam novel *Penyeberang Sempadan* ini.

Pemimpin yang Meninggalkan Tanggungjawab

Tanggungjawab adalah satu kewajiban yang dipikul atau ditanggung oleh seseorang dalam memastikan sesuatu benda berada dalam keadaan yang teratur, iaitu termasuklah dalam institusi kekeluargaan, organisasi dan pentadbiran. Dalam kehidupan masyarakat, orang yang memegang jawatan paling tinggi atau berkuasa mestilah bertanggungjawab dalam menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan negeri atau isu-isu yang timbul dalam kalangan masyarakat.

Namun begitu, terdapat pemimpin yang meninggalkan tanggungjawab demi kepentingan diri mereka sendiri dan membiarkan masyarakat berada dalam kesusahan. Kritikan sosial terhadap pemimpin yang meninggalkan tanggungjawab dapat diperlihatkan dalam novel *Penyeberang Sempadan* ini. Pengarang menunjukkan betapa pentingkan dirinya kuasa kolonial iaitu Inggeris yang meninggalkan tanggungjawab mereka begitu saja tanpa ada rasa tanggungjawab terhadap Kuala Tuntung yang telah dijajah oleh mereka. Kritikan yang dibawa oleh pengarang dapat ditonjolkan dalam petikan di bawah.

Begitu mudahnya mereka melarikan diri. Meninggalkan Malaya tanpa sebarang tanggungjawab. Kerana mereka tidak pernah mempunyai tanggungjawab politik atau moral terhadap orang Melayu. Tanggungjawab mereka hanyalah kepada kekayaan dan kemuliaan ciptaan mereka sendiri. Gold. Glory. Itulah yang mereka kejar.

(Anwar Ridhwan, 2012: 36)

Sebaik-baik sahaja pegawai dan tentera Inggeris meninggalkan Perak, tentera-tentera Jepun masuk menduduki pejabat-pejabat kerajaan, rumah rehat, dan sekolah di bandar. Seluruh penduduk kampung Kuala Tuntung keluar rumah, bersembunyi di tempat lebih selamat dalam belukar. Kalau keadaan mengizinkan, barulah mereka balik menjenguk rumah, bergilir-gilir.

(Anwar Ridhwan, 2012: 36)

Berdasarkan petikan, ditunjukkan bahawa Inggeris meninggalkan Kuala Tuntung begitu saja selepas mengaut segala kekayaan khazanah yang dimiliki oleh penduduk setempat di situ. Hal ini adalah suatu perkara yang biasa kerana Inggeris sememangnya tiada ambil tahu mengenai

kehidupan masyarakat Melayu terutamanya dari aspek kebajikan masyarakat. Sungguhpun begitu, pihak Inggeris sepatutnya bertanggungjawab kerana mereka telah memegang pusat pentadbiran Kuala Tuntung sebelum datangnya Jepun ke Malaya tetapi sebaliknya yang berlaku. Maka, jelaslah bahawa terdapat kritik sosial terhadap pemimpin yang menengalkan tanggungjawab dalam novel ini.

Kelakuan Kanak-kanak Lelaki Yang Kurang Bermoral

Kurang bermoral atau tiada moral merujuk kepada semua tindakan atau tingkah laku yang bertentangan dengan nilai moral. Secara mudahnya, ia merupakan pelanggaran yang nyata terhadap kelakuan atau tingkah laku yang diterima dalam masyarakat. Sesiapa sahaja yang melakukan perkara yang kurang bermoral bakal dipandang serong oleh masyarakat sekeliling kerana perbuatan sedemikian dicegah dalam mana-mana agama atau bangsa. Contoh perbuatan yang dikatakan adalah seperti menipu dan melakukan jenayah.

Pengarang novel *Penyeberang Sempadan*, iaitu Anwar Ridhwan turut memperlihatkan kritikan sosial terhadap kanak-kanak lelaki di Kuala Tuntung yang melakukan perkara yang kurang bermoral. Walaupun mereka masih kecil, perbuatan yang dilakukan mereka itu perlu dikritik kerana dia tetap salah dan sepatutnya diperbetulkan sejak mereka kecil. Tingkah laku ini dapat dibuktikan melalui watak Kuay, Kesturi, Meordan rakan-rakannya melalui petikan novel yang diambil dalam bab empat *Penyeberang Sempadan*.

Menurut Kesturi, tak ke mana sangat ‘ganas’nya budak-budak jantan Kuala Tuntung. Habis-habis mencuri buah-buah masak tak kira di kebun siapa. Habis-habis, gila menggetah burung sampai petang, lupa makan lupa minum. Habis-habis, kalau tak dapat burung, tangkap ayam sesiapa saja, sembelih, panggang dan makan ramai-ramai dalam semak.

(Anwar Ridhwan, 2012: 202-203)

Petikan di atas menunjukkan bahawa budak-budak lelaki Kuala Tuntung pergi mencuri buah-buah masak tanpa mengira siapa pun pemilik kebun. Perbuatan ini adalah salah kerana mereka mengambil buah orang tanpa meminta kebenaran daripada tuannya yang sudah bersusah payah untuk mendapatkan hasil tanaman tersebut. Perkataan mencuri yang disebut itu juga jelas memperlihatkan kesalahan yang dilakukan oleh mereka dan menampakkan sisi negatif. Terdapat juga ayat yang mengatakan mereka menangkap sahaja ayam sesiapa pun untuk dijadikan sebagai makanan. Perbuatan sedemikian juga dianggap sebagai mencuri kerana mengambil sesuatu tanpa kebenaran. Seterusnya, kritikan sosial terhadap tingkah laku mereka turut diperlihatkan dalam petikan di bawah.

Habis-habis pergi mengintai Yan cantik pergi mandi. Kalau Yan perasan ada sekumpulan budak jantan mengintainya, Yan tak jadi tanggalkan kembannya. Yan marah-marah, “Kamu budak-budak jantan ni nak jadi apa? Kerja ngintai orang! Pergilah belajar, nanti boleh jadi polis. Jadi asykar. Jadi cikgu. Jadi kerani.

(Anwar Ridhwan, 2012: 203)

Pengarang menunjukkan kritikan sosial dalam petikan di atas melalui watak kanak-kanak lelaki di Kuala Tuntung. Ini kerana, mereka melakukan kesalahan moral dengan mengintai Yan yang tengah mandi. Kelakuan sebegini patut dikritik kerana ia merupakan satu tingkah laku yang kurang bermoral yang sepatutnya tiada dilakukan dalam kalangan kanak-kanak yang masih kecil usianya. Ibu bapalah yang perlu memainkan peranan penting dalam mendidik anak-anak mereka sejak dari kecil supaya menjadi orang yang berguna apabila

sudah dewasa. Oleh itu, jelaslah adanya kritikan sosial terhadap kelakuan kanak-kanak lelaki yang kurang bermoral dalam novel *Penyeberang Sempadan* ini.

Masyarakat yang Mengkhianati Rakan Karibnya

Khianat adalah satu sikap yang gagal berpegang kepada janji atau mengendahkan kepercayaan yang telah diberikan oleh teman, majikan dan keluarga. Sikap ini juga tergolong dalam ciri-ciri orang yang munafik kerana ia berpura-pura baik di hadapan seseorang tetapi bertindak sebaliknya di luar pengetahuan mereka. Perbuatan khianat inikut memberi kesan buruk kepada orang yang dikhianati kerana pengkhianat boleh mendedahkan segala rahsia yang diketahuinya. Kesannya, sikap khianat boleh mendorong kepada terputusnya hubungan persaudaraan antara kedua-dua pihak iaitu pengkhianat dan yang dikhianati.

Kritikan sosial mengenai sikap khianat didapati turut terkandung dalam novel *Penyeberang Sempadan* karya Anwar Ridhwan ini. Perbuatan ini diperlihatkan oleh pengarang melalui watak Meor iaitu sahabat baik kepada Kuay dan Kesturi. Meor merupakan salah seorang yang dipercayai oleh Kuay untuk menceritakan rahsianya kerana mereka sudah berkawan sejak kecil. Begitu juga dengan Kesturi yang tiada menyimpan sebarang keraguan terhadap Meor untuk memberitahu tentang perjuangan kembarnya Kuay. Namun, sebaliknya yang berlaku apabila Meor telah mengkhianati kawan baiknya sendiri. Kenyataan ini boleh dibuktikan dengan petikan di bawah.

Dia telah membuka hatinya untuk bekerjasama dengan pihak keselamatan. Pencurisebenar, lebih mudah menangkap pencuri yang lain, fikirnya. Memang itulahpendiriannya sekarang. Tetapi agak kerap pula, entah kenapa pandangan matanya seolah-olah kosong.

(Anwar Ridhwan, 2012: 267-268)

Pangkal jalannya dahulu telah lenyap, seolah-olah bayangan mimpi yang menghilang dengan cepat. Semuanya barangkali kerana, jauh di dasar hatinya, dia sekarang membeloti perjuangan Kuay, rakan karibnya sendiri sedari kecil. Yang pernah bersama-sama menggetah burung. Menggagau ikan. Mengintai Yan cantikmandi.

(Anwar Ridhwan, 2012: 268)

Dalam petikan di atas, diperlihatkan bahawa Meor telah membuat keputusan untuk membantu pegawai polis dalam menjayakan misi mereka untuk memburu Kuay iaitu teman karibnya sendiri. Keputusan itu dibuat setelah dia mula untuk melupakan komunisme dan perjuangan bersenjata. Selepas beberapa kali dipujuk oleh pegawai polis untuk memberi kerjasama akhirnya Meor bersetuju untuk membantu pihak polis dalam menjalankan risikan berkenaan kedudukan Kuay. Meor juga sedar bahawa dia telah mengkhianati perjuangan Kuay yang sama-sama membesar dengannya sejak dari kecil. Pengkhianatan Meor terhadap sahabat baiknya Kuay adalah lebih jelas pada petikan di bawah.

“Pandai-pandailah dekati Kesturi,” kata Pegawai Kanan KDN. “Cuba tanya Kesturi, di mana Kuay sekarang. Mungkin Kuay ada hantar surat kepada Kesturi. Kita tidak tahu. Mungkin Kesturi lebih tahu dari kita.”

(Anwar Ridhwan, 2012: 271)

Kesturi serahkan dua pucuk surat itu kepada Meor. Meor segera menyimpan surat-surat itu di dalam saku seluarnya. Membeloti perjuangan atau tidak, bukanlah persoalannya, fikir Meor. Dia pasti zaman dan tuntutan rakyat telah berubah. Dia telah menjadi orang

baru. Masa lampaunya adalah sejarah. Hubungannya dengan Kuay dahulu pun sudah jadi sejarah.

(Anwar Ridhwan, 2012: 276)

Melalui petikan novel *Penyeberang Sempadan* tersebut, kritikan sosial yang diketengahkan oleh pengarang adalah mengenai tindakan Meor yang mengkhianati teman karibnya Kuay. Dalam petikan boleh diperhatikan bahawa Meor pergi ke rumah Kesturi dan berpura-pura ramah dengannya untuk mendapatkan info mengenai perkembangan perjuangan Kuay. Walaupun Meor ikhlas bersembang dengan Kesturi dan Yang Zanariah, dia tetap mempunyai niat lain dalam membeloti perjuangan Kuay dengan menyiasat kedudukan Kuay melalui Kesturi. Pengkhianatannya terhadap rakan karibnyajuga lebih jelas apabila dia bersepakat dengan pihak polis dalam menangkap Kuay. Situasi ini menunjukkan Meor bersikap seperti talam dua muka ketika berada dengan keluarga Kuay tetapi mengkhianatinya dalam diam. Justeru itu, jelaslah terdapat kritikansosial terhadap masyarakat yang mengkhianati rakan karibnya dalam novel *PenyeberangSempadan* ini.

Masyarakat yang Mengagungkan Ideologi Ciptaan Manusia

Ideologi adalah satu aliran yang terhasil dari pemikiran manusia. Kebiasaannya, kewujudan ideologi baharu bermula dari sifat akal manusia yang gemar memerhati perkara yang berada di sekelilingnya sama ada alam, kehidupan masyarakat dan perilakuseseorang. Pemerhatian yang dilakukan itu juga telah mengembangkan satu idea yang menyebabkan terbentuknya pelbagai jenis ideologi baharu seperti komunisme, sosialisme dan demokrasi. Malahan tetapi, setiap ideologi itu hanyalah ciptaan manusia semata-matayang masih mempunyai banyak kekurangan dan jauh dari kesempurnaan.

Pengarang novel *Penyeberang Sempadan* banyak menekankan mengenai ideologi-ideologi ciptaan manusia dalam naratif penceritaannya. Ini bersesuaian dengan tema novel iaitu berkenaan dengan pengembaraan Kuay untuk mencari fahaman sebenaruntuk dijadikan sebagai ikutan kepada dirinya dan masyarakat Kuala Tuntong, Perak. Sepanjang pengembaraan Kuay, terdapat banyak ideologi-ideologi yang menarik minatnya tetapi Kuay sentiasa merasakan seperti adanya kekosongan ketika mengamalkan satu-satu ideologi. Kritikan sosial mengenai masyarakat yang mengagungkan ideologi ciptaan manusia ini dapat dibuktikan dengan petikan yang diambil daripada novel.

Sa-lagi aku belum mendapat apa2 pilihan, aku tetap menganggap bahawasa-nya faham komunis dan sosialis-lah yang terbaik di-dalam hidop ini. Oleh kerana itu, aku ingin tahu bagaimana dengan tanah kita dan tanah2 lain di Kuala Tuntong itu?

(Anwar Ridhwan, 2012: 241-242)

Aku mendapat tahu bahawasa-nya pengaruh komunis masih kuat di-Malaya. Aku perchaya bahawasa-nya pada satu hari nanti komunis akan berkerajaan di- Malaya. Sebab itu terus-lah maju-kan Kuala Tuntong dengan chara komunal itu.

(Anwar Ridhwan, 2012:242)

Berdasarkan surat yang ditulis oleh Kuay semasa berada di Moscow, Rusia. Dia mengatakan bahawa kepercayaannya terhadap ideologi komunis masih kuat dan tetap sama kerana masih tiada pilihan ideologi lain yang dijumpainya. Dia juga menganggap ideologi komunisme dan sosialisme sebagai ideologi paling terbaik yang ada di dunia pada masa itu. Kesungguhannya dalam mengikuti ideologi ciptaan manusia itu telah menyebabkan ia meminta kembarnya Kesturi mengubah kehidupan masyarakat di KualaTuntong kepada cara

komunal yang setaraf. Dia juga percaya bahawa ideologi komunis bakal berkembang dengan jayanya di Malaya suatu hari nanti. Ketaksuban Kuay terhadap ideologi ciptaan manusia boleh dibuktikan dengan lebih lanjut dalam petikan di bawah.

Aku mahu Kesturi ubah-lah chara yang sia2 itu kepada chara pasaran bebas dan demokrasi. Pujok-lah mereka Kesturi, supaya mereka berubah. Jangan-lah kongkong mereka lagi di-ladang komunal. Aku mahu Kesturi pujok mereka tinggal-kan chara hidop lama itu.

(Anwar Ridhwan, 2012: 341-342)

Di-tepi jalan dekat rumah kita, buatlah kedai2 supaya orang boleh berniaga. Orang boleh beli atau sewa kedai2 itu. Anak2 mereka boleh belajar apa sahaja ilmu di- dunia ini. Kalau Kesturi ada duit, berilah kepada orang politik yang memperjuangkan demokrasi. Aku sudah tengok, demokrasi jadi chara hidup yang baik di-New Orleans ini khasnya, dan di-Amerika am-nya.

(Anwar Ridhwan, 2012: 342)

Surat yang dikirim Kuay dari Manhattan, New York pada tahun 1964 itu memperlihatkan bahawa Kuay telah mengalih kepercayaannya kepada ideologi demokrasi. Hal ini kerana, dia tertarik dengan cara hidup bawah pemerintahan demokrasi yang mengamalkan pasaran bebas. Seperti suratnya yang lepas, dia turut meminta Kesturi untuk memujuk penduduk kampung Kuala Tuntung supaya meninggalkan cara komunisme. Walaupun Kuay bersungguh-sungguh untuk mengubah Malaya sebagai negara yang mengamalkan demokrasi, ia tetap bukan fahaman sebenar yang dicarinya. Akhirnya, Kuay sedar bahawa fahaman yang dicarinya selama ini adalah fahaman yang diamalkannya sejak dari kecil dan diabaikannya selepas melakukan pengembaraan. Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan petikan di bawah.

Benar kata Shafi'aa, isme buatan manusia baik yang disebut komunisme, sosialisme, dan hatta demokrasi, tetaplah ciptaan manusia yang tidak sempurna. Yang sempurna hanya Tuhan. Terasalah betapa tololnya aku selama ini, mendewakan isme ciptaan manusia yang fana.

(Anwar Ridhwan, 2012: 366-367)

Melalui seorang kenalan, aku temui Islam yang benar, indah dan sesuai sepanjang zaman. Lebih daripada itu, segala sistem serta hukumnya amatlah lengkap, adil dan meliputi semua cabang kehidupan manusia.

(Anwar Ridhwan, 2012: 392-393)

Petikan di atas membuktikan bahawa Kuay telah menemui fahaman yang sebenar setelah berjumpa dengan Shafi'aa. Kebenaran sebenar terungkai apabila rakannya itu memberitahu mengenai fahaman Islam yang patut diikuti sekaligus menyedarkan Kuay bahawa tiada ideologi ciptaan manusia yang sempurna selain fahaman Islam. Berikutan hal itu, Kuay telah menulis surat kepada Kesturi mengenai Islam dan meminta Kesturi mendirikan sebuah masjid di Kuala Tuntung. Kekaguman Kuay dengan ideologi ciptaan manusia telah menyebabkan dia meninggalkan fahaman Islam yang sebenar pada awal perjuangannya. Oleh itu, jelaslah bahawa adanya kritikan sosial terhadap masyarakat yang terlalu mengagungkan ideologi ciptaan manusia yang diperlihatkan melalui watak Kuay.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa novel *Penyeberang Sempadan* karya Anwar Ridhwan ini merupakan sebuah novel yang mengandungi banyak kritikan terhadap sesebuah kumpulan masyarakat yang dijajah. Kritikan sosial dalam novel ini lebih berfokus kepada aspek negatif seperti mengabaikan tuntutan agama, kelakuan yang kurang bermoral dan mengkhianatirakan karib yang ditunjukkan melalui watak-watak tertentu seperti yang digambarkan oleh pengarang dalam novel *Penyeberang Sempadan*. Secara ringkasnya, Anwar Ridhwan telah menggambarkan tentang realiti kehidupan masyarakat dalam belenggu penjajah yang mengalami keperitan hidup sehingga menimbulkan sikap kurang baik dalam kalangan masyarakat Kuala Tuntung. Justeru itu, setiap kritikan sosial yang diperlihatkan dalam novel ini boleh memberi kesedaran kepada masyarakat umum untuk memperbaiki diri mereka menjadi seseorang yang lebih baik.

RUJUKAN

- Anwar Ridhwan. 2012. *Penyeberang Sempadan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Bressler, Charles E. 2010. *Literary and Criticism: An Introduction to Theory and Practice*. New Jersey: Prentice Hall.
- Eagleton, Terry. 1976. *Marxism and Literary Criticism*. California: University of California Press.
- Frow, John. 1986. *Marxism and Literary History*. Cambridge: Harvard University Press.
- Helemejko, Tomasz. 2012. *The Concept of Marxism*. Wroclaw: Faculty of Law, Administration and Economy of the University of Wroclaw.
- Mana Sikana. 1998. *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Maznida Binti Mahadi. 2018. Kecerdasan Emosi Lelaki dalam Novel-Novel Terpilih Anwar Ridhwan dan Haruki Murakami: Kajian Perbandingan. Ijazah Sarjana, Universiti Malaya.
- Maznida Mahadi & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali. 2018. Perbandingan Dominasi Bentuk Emosi Lelaki dalam Novel *Penyeberang Sempadan* dengan *Kafka on the Shore*. *Jurnal Pengajian Melayu*, 29(1), 30-50.
- Mohamad Mokhtar Abu Hassan & Raja Rajeswari Seetha Raman. 2015. Konsep perjuangan Anwar Ridhwan dalam Novel *Penyeberang Sempadan*. *Jurnal Pengajian Melayu*, 26(1), 141-166.
- Mohamad Rosmizi Mahamad, Ghazali Din & Phaosan Jehwae. 2020. Keunggulan kepengarangan novel-novel terpilih Anwar Ridhwan. *Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11(1), 68-87.
- Nor Nabila Mohamad Azman. 2020. Dicapai 26 November 2021 dari Nor Nabila Binti Mohamad Azman (C17a0174) | PDF (scribd.com)
- Nur Fatiha Fadila Binti Abu Bakar. 2014. Intelektualisme dalam lima novel anwar ridhwan dari sudut persuratan baru. Ijazah Sarjana, Universiti Putra Malaysia.
- Rohana Yusof. 1997. *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- S.M. Zakir. 2014. Karya dan kekuasaan pengarang: pemikiran dan gaya naratif mutakhir Anwar Ridhwan. *Jurnal Melayu*, 12(1), 70-81.

- Swingewood, Alan & Laurensen, Diana. 1972. *The Sociology of Literature*. Colorado: Paladin Press.
- Williams, Raymond. 1977. *Marxism and Literature*. United Kingdom: Oxford University Press.

Biodata Penulis:

Nurul Farhana binti Mohamad Napiah adalah Graduan Sarjana Muda Sastera Persuratan Melayu di Bitara Melayu, FSSK UKM.

Nur Afifah Vanitha Abdullah (PhD) adalah Pensyarah Kanan di Pusat Bahasa, Kebudayaan dan Kesenian Melayu, FSSK UKM. Bidang kepakaran Nur Afifah Vanitha adalah Drama dan Teater. Beliau turut mendokumentasi ilmu dalam bidang Kebudayaan Melayu.